

Kes harian tak stabil, sukar beralih fasa kedua

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jika sandaran untuk beralih kepada fasa kedua Pelan Pemulihan Negara (PPN) adalah kes harian COVID-19 bawah 4,000 kes sehari dan 10 peratus populasi sudah divaksin, ia dijangka sukar dicapai dalam tempoh sasaran mulai Julai ini.

Ini berikutan kes harian masih lebih 4,000 kes, yang mana semalam kes positif kembali mencecah lebih 5,000 apabila sebanyak 5,244 direkodkan. Kes sporadik dalam komuniti juga masih tinggi sehingga menyebabkan ramai pesakit tanpa gejala dan kemunculan varian baharu.

Selain itu, kadar vaksinasi rakyat Malaysia yang disasarkan 10 peratus untuk beralih ke Fasa Kedua pada Julai/Ogos juga dikatakan sukar dicapai.

Sehingga kelmarin, sejumlah 6,301,727 suntikan sudah diberikan. Daripada jumlah itu, seramai 4,574,685 menerima dos pertama, manakala 1,727,042 dos kedua, iaitu 5.3 peratus penduduk sudah lengkap divaksin.

Sebelum ini, Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin dilaporkan berkata 10 peratus penduduk Malaysia boleh lengkap diberi dua dos suntikan pertengahan bulan depan.

Pada 15 Jun lalu, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin membentangkan Pelan Pemulihan Negara merangkumi empat fasa bermula bulan ini hingga Disember sebagai strategi untuk keluar daripada pandemik COVID-19 secara berperingkat bersandarkan tiga indikator ambang utama.

Tiga indikator itu adalah kadar penularan COVID-19 dalam komuniti berdasarkan kes harian, keupayaan sistem kesihatan awam berdasarkan wad unit rawatan rapi (ICU) dan peratusan populasi yang sudah lengkap menerima dua vaksin.

Untuk beralih ke Fasa Kedua (Julai/Ogos) nilai ambang ditetapkan adalah kes harian kurang 4,000 sehari, penggunaan wad ICU pada paras sederhana dan 10 peratus populasi lengkap divaksin.

Peralihan fasa kedua sukar dicapai

Dari Muka 1

Peralihan dari Fasa Kedua ke Fasa Ketiga (September/Oktober) pula berdasarkan jumlah kes harian di bawah 2,000, penggunaan katil ICU di paras mencukupi, 40 peratus populasi sudah divaksin, manakala Fasa Ketiga ke Fasa Keempat (November/Disember) disasarkan kes harian di bawah 500, penggunaan katil ICU pada paras mencukupi dan 60 peratus populasi lengkap divaksin.

Pakar kesihatan awam, Dr Hanafiah Bashirun, berkata tempoh peralihan ke Fasa Kedua Pelan Pemulihan Negara (PPN) menjelang Julai ini dilihat sukar dicapai apabila indikator ditetapkan bagi proses itu dilihat gagal mencapai sasaran.

Katanya, purata kes harian COVID-19 tidak mencatatkan penurunan signifikan seperti diharapkan, selain populasi lengkap divaksinasi masih rendah, iaitu hanya 5.3 peratus, setakat kelmarin.

Berikutan itu beliau mencadangkan Fasa Pertama Pelan Pemulihan Negara dilanjutkan sekurang-kurangnya dua minggu lagi bagi memastikan setiap indikator ditetapkan bagi peralihan fasa dapat dicapai.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan dan Kementerian Kesihatan

boleh membuat pertimbangan khas untuk membenarkan peralihan fasa dibuat untuk mewujudkan keseimbangan dalam sektor ekonomi dan sosial.

"Angka kes positif harian kini agak statik, iaitu antara 4,000 hingga 5,000 kes sehari dan kalau mahu lihat purata kes di bawah 4,000 dalam masa terdekat ini agak sukar untuk dicapai.

"Kalau kita longgarkan sekatan dan beralih ke Fasa Kedua sekarang, saya jangka negara akan berdepan situasi sama seperti Aidilfitri lalu yang menyaksikan kes positif harian meningkat 8,000 hingga 9,000," katanya kepada BH.

Mengenai sasaran 10 peratus populasi lengkap divaksin bagi peralihan ke Fasa Kedua, Dr Hanafiah berkata, ia mungkin dapat dicapai menjelang pertengahan

bulan depan, jika prosesnya dipercepatkan.

"Ini didorong pemerolehan vaksin dalam kuantiti banyak bulan ini dan bulan depan seperti diumumkan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, baru-baru ini," katanya.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam dan Kesihatan Keluarga (Geriatric) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Halimatus Sakdiah Minhat, juga berpandangan jumlah kes sporadik yang tinggi ketika ini, sasaran kes harian COVID-19 di bawah 4,000 kes yang menjadi indikator untuk beralih ke Fasa Kedua sukar dicapai dalam masa terdekat.

Bagaimanapun, beliau berpandangan, selain jumlah kes harian baharu dan peratusan penduduk yang mendapat vaksinasi, jumlah peratusan pesakit dimasuk-

kan ke hospital dan unit rawatan rapi (ICU) serta jumlah kematian juga perlu menjadi pertimbangan utama.

"Peningkatan kes COVID-19 tanpa gejala adalah dijangka dan kita tahu, vaksin bukan menghalang kita mendapat penyakit, tetapi daripada menderita penyakit lebih teruk, yang ada kaitan dengan kemasukan ke ICU dan menyebabkan kematian.

"Justeru, pada peringkat ini, kita tidak boleh membuat peralihan fasa berdasarkan jumlah kes baharu dan mungkin juga pencapaian imuniti kelompok saja," katanya.

Dr Halimatus Sakdiah berkata, artikel terbaharu dalam jurnal perubatan, *The Lancet* menyatakan pendekatan kepada COVID-19 tidak boleh hanya bergantung kepada vaksinasi lengkap dan imuniti kelompok yang dicapai kerana varian baharu akan terus muncul.

Artikel itu sebaliknya mencadangkan strategi menyasar kepada kumpulan usia yang kesan jangkitan dan kematian tidak sama bagi setiap kumpulan itu.

Selain itu, beliau mencadangkan supaya kaedah saringan diubah, yang mana saringan kontak rapat dilakukan hanya pada mereka yang bergejala bagi membolehkan rawatan awal diberikan.



“Pada peringkat ini, kita tidak boleh membuat peralihan fasa berdasarkan jumlah kes baharu dan mungkin juga pencapaian imuniti kelompok saja”

Dr Halimatus Sakdiah Minhat,
Pakar Perubatan Geriatrik UPM